


**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
(AKTA 133)**

**UNDANG-UNDANG KECIL
AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN
(MENDAPATKAN TUNGGAKAN)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1990**

P.U.(A) 342/90

SENARAI PINDAAN :

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 34
No. 21

11hb Oktober 1990

TAMBAHAN No. 64
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 342.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (MENDAPATKAN
TUNGGAKAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1990**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Menteri membuat undang-undang kecil yang berikut: Akta 133.

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Mendapatkan Tunggakan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1990.** Nama dan pemakaian.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya meng- Tafsiran.
hendaki makna yang lain—

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur;

“premis” ertinya premis yang mengenainya tunggakan itu genap masanya dibayar;

“tunggakan” ertinya semua atau apa-apa jumlah wang yang kena dibayar atau boleh didapatkan daripada pemunya atau pemunya-pemunya mana-mana premis berkenaan dengan perbelanjaan dan kos yang dilakukan oleh Datuk Bandar pada menjalankan apa-apa kerja yang adalah, di bawah Akta, boleh didapatkan daripada pemunya atau pemunya-pemunya.

Notis
tuntutan
dan fee.

3. (1) Jika Datuk Bandar telah menjalankan apa-apa kerja di bawah Akta, satu invoice berkenaan dengan perbelanjaan dan kos yang dilakukan oleh Datuk Bandar pada menjalankan kerja itu hendak dihantar kepada pemunya premis itu menghendakinya membayar wang itu dalam tempoh dua bulan.

(2) Jika perbelanjaan dan kos itu atau apa-apa bahagian daripadanya masih belum dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan dalam perenggan (1), suatu notis tuntutan dalam Borang A Jadual Pertama hendaklah disampaikan kepada pemunya premis itu menghendakinya membayar wang bersama dengan fee bagi notis tuntutan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dalam tempoh lima belas hari dari tarikh notis itu disampaikan atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar.

Waran
tahanan
dan fee.

4. (1) Jika perbelanjaan dan kos itu atau apa-apa bahagian daripadanya masih tertunggak selepas tamat tempoh yang ditetapkan dalam perenggan (2) undang-undang kecil 3, suatu waran tahanan dalam Borang B Jadual Pertama boleh dikeluarkan dan apa-apa harta alih dan apa-apa tanaman pemunya atau penduduk atau apa-apa benda kepunyaan sesiapa jua yang terdapat di premis itu boleh disita.

(2) Fee yang kena dibayar bagi waran tahanan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Waran tahanan hendaklah dilekapkan di sesuatu bahagian premis itu yang mudah dilihat dan satu salinannya hendaklah dipamerkan di papan notis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Inventori
notis.

5. (1) Jika apa-apa harta alih atau apa-apa tanaman yang disita di bawah waran tahanan, suatu inventori hendaklah dibuat dan suatu notis inventori dalam Borang C Jadual Pertama hendaklah disampaikan kepada pemunya atau penduduk premis itu menghendakinya membayar tunggakan itu dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu disampaikan.

(2) Notis inventori boleh diberi kepada pemunya atau penduduk itu sendiri atau ditinggalkan di premis di mana harta itu disita.

(3) Fee yang kena dibayar bagi notis inventori adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(4) Harta alih dan tanaman-tanaman yang disita di bawah waran tahanan hendaklah dijual secara lelong awam jika tunggakan tidak dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan.

(5) Jika Datuk Bandar mengambil mana-mana orang untuk menjaga harta yang disenaraikan dalam notis inventori, apa-apa perbelanjaan yang dilakukannya untuk berbuat demikian hendaklah didapatkan daripada pemunya.

Notis
jualan
dan fee.

6. (1) Sebelum menjalankan sesuatu jualan secara lelong awam, suatu notis jualan dalam Borang D Jadual Pertama hendaklah ditampalkan di premis itu dan di papan notis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tujuh hari sebelum jualan.

(2) Fee yang kena dibayar bagi notis jualan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(3) Fee untuk menjalankan lelong awam ialah dua ratus ringgit.

7. Semua fee yang kena dibayar di bawah undang-undang kecil ini hendaklah dibayar oleh pemunya premis itu dan hendaklah didapatkan daripada pemunya premis itu seolah-olah fee itu adalah sebahagian daripada tunggakan itu.

Fee
menjadi
sebahagian
daripada
tunggakan.

JADUAL PERTAMA

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (MENDAPATKAN TUNGGAKAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1990

Borang A

NOTIS TUNTUTAN (Undang-Undang Kecil 3)

No.....

Kepada:

.....
.....
.....

Butir-butir kerja
.....

di alamat
.....

Lot No.

Seksyen/Mukim

Sila ambil perhatian bahawa kamu adalah dikehendaki membayar kepada Datuk Bandar perbelanjaan dan kos yang dilakukan oleh Datuk Bandar pada menjalankan kerja-kerja yang tersebut di atas berjumlah.....

..... (\$)

bersama dengan fee sebanyak \$.....bagi

notis tuntutan di bawah seksyen.....Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 di pejabat Bendahari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam tempoh lima belas hari dari tarikh notis ini disampaikan, dan jika mungkir membayar dalam tempoh yang ditetapkan, amaun tunggakan yang kena dibayar bersama dengan kos proses hendaklah didapatkan menurut kuasa-kuasa yang terkandung dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

	\$	Sen
Perbelanjaan dan kos bagi kerja-kerja		
Fee bagi notis tuntutan		
Jumlah		

Bertarikh pada.....haribulan.....19.....

*Datuk Bandar,
Bandaraya Kuala Lumpur*

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (MENDAPATKAN
TUNGGAKAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1990

Borang B

WARAN TAHANAN
(Undang-Undang Kecil 4)

No.....

Kepada:

.....
.....
.....

Butir-butir kerja

.....
.....

di alamat

.....

Lot No.

Seksyen/Mukim

Bahawasanya melalui suatu notis yang mempunyai No.....yang diposkan
atau diserahkan pada.....haribulan.....19..... pemunya adalah
dikehendaki membayar di pejabat Bendahari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur wang
sebanyak \$.....sebagai tunggakan bayaran bagi kerja-kerja yang tersebut di atas dan
bahawasanya wang sebanyak \$.....yang tersebut telah tidak dibayar.

Ini adalah perintah untuk kamu supaya menahan harta alih atau apa-apa tanaman pemunya
atau penduduk yang terdapat di dalamnya (alamat premis itu).....
.....

dan juga apa-apa harta alih atau apa-apa tanaman kepunyaan sesiapa jua yang terdapat di premis tersebut dan melainkan wang sebanyak \$.....yang tersebut bersama dengan \$....., sebagai kos bagi tahanan ini, dibayar, supaya menahannya sehingga diberi perintah selanjutnya.

Kamu adalah selanjutnya diperintahkan supaya menghantar balik waran ini pada atau sebelum.....haribulan.....19.....bersama dengan suatu catatan memperakui tarikh dan cara bagaimana waran ini telah dilaksanakan atau mengapa waran ini telah tidak dilaksanakan.

BUTIR-BUTIR TUNGGAKAN DAN KOS

	\$	Sen
Amaun tunggakan		
Fee notis tuntutan		
Fee waran tahanan		
Jumlah		

Dibuat di bawah tandatangan saya pada.....haribulan.....
19.....

*Datuk Bandar,
Bandaraya Kuala Lumpur*

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (MENDAPATKAN
TUNGGAKAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1990

Borang C

*NOTIS INVENTORI
(Undang-Undang Kecil 5)*

No.....

Kepada:

.....yang
beralamat di Lot No.....Seksyen/Mukim
.....(atau apa-apa perihal pengenalan
lain).

Sila ambil perhatian bahawa saya telah pada hari ini menahan harta yang dinyatakan dalam inventori yang tersebut di bawah sebanyak \$.....sebagai tunggakan dan kos yang boleh didapati di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 sebagaimana

dinyatakan butir-butirnya di bawah dan melainkan kamu membayar kepada pejabat Bendahari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur amaun yang kena dibayar itu bersama dengan kos bagi tahanan ini dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis ini, harta itu akan dijual.

INVENTORI

<i>Bil. Barang</i>	<i>Perihal Harta/Tanaman</i>

BUTIR-BUTIR TUNGGAKAN DAN KOS

	\$	Sen
Amaun tunggakan		
Fee notis tuntutan		
Fee waran tahanan		
Fee notis inventori		
Caj pengawal		
Jumlah		

Bertarikh pada.....haribulan.....19.....

.....
(Nama

Jawatan

)

UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (MENDAPATKAN TUNGGAKAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1990

Form D

NOTIS JUALAN
(Undang-Undang Kecil 6)

Kepada:

.....
.....
.....

Notis adalah dengan ini diberi bahawa harta yang disita di.....
padaharibulan.....19.....di bawah waran tahanan/notis

inventori No.....akan dijual secara lelong awam pada
.....haribulan.....19.....pukul.....pagi/petang melain-
kan amaun tunggakan dan kos pelaksanaan dibayar terlebih dahulu.

Bertarikh pada.....haribulan.....19.

.....
(Nama

Jawatan)

JADUAL KEDUA

(Undang-Undang Kecil 3 (2))

(1) <i>Amaun tunggakan</i>	(2) <i>Fee notis tuntutan</i>
\$1000 ke bawah	\$4.00
Melebihi \$1000 tetapi tidak melebihi \$2000	\$8.00
Melebihi \$2000 tetapi tidak melebihi \$3000	\$12.00
Melebihi \$3000 tetapi tidak melebihi \$4000	\$16.00
Melebihi \$4000 tetapi tidak melebihi \$5000	\$20.00
Selepas daripada itu setiap \$1000 atau apa-apa bahagian daripadanya	\$2.00

JADUAL KETIGA

(Undang-Undang Kecil 4 (2))

(1) <i>Amaun tunggakan</i>	(2) <i>Fee waran tahanan</i>
\$1000 ke bawah	\$20.00
Melebihi \$1000 tetapi tidak melebihi \$2000	\$40.00
Melebihi \$2000 tetapi tidak melebihi \$3000	\$60.00
Melebihi \$3000 tetapi tidak melebihi \$4000	\$80.00
Melebihi \$4000 tetapi tidak melebihi \$5000	\$100.00
Selepas daripada itu setiap \$1000 atau apa-apa bahagian daripadanya	\$20.00

JADUAL KEEMPAT

(Undang-Undang Kecil 5 (3))

(1) <i>Amaun tunggakan</i>	(2) <i>Fee notis inventori</i>
\$1000 ke bawah	\$4.00
Melebihi \$1000 tetapi tidak melebihi \$2000	\$8.00
Melebihi \$2000 tetapi tidak melebihi \$3000	\$12.00
Melebihi \$3000 tetapi tidak melebihi \$4000	\$16.00
Melebihi \$4000 tetapi tidak melebihi \$5000	\$20.00
Selepas daripada itu setiap \$1000 atau apa-apa bahagian daripadanya	\$2.00

JADUAL KELIMA
(Undang-Undang Kecil 6 (2))

(1) <i>Amaun tunggakan</i>	(2) <i>Fee notis jualan</i>
\$1000 ke bawah	\$4.00
Melebihi \$1000 tetapi tidak melebihi \$2000	\$8.00
Melebihi \$2000 tetapi tidak melebihi \$3000	\$12.00
Melebihi \$3000 tetapi tidak melebihi \$4000	\$16.00
Melebihi \$4000 tetapi tidak melebihi \$5000	\$20.00
Selepas daripada itu setiap \$1000 atau apa-apa bahagian daripadanya	\$2.00

Diperbuat pada 10hb September 1990.
[PHEU²/16/76 PT. VI; PN. (PU²) 252/IV.]

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Perdana Menteri

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (RECOVERY OF ARREARS) (FEDERAL
TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1990

Act 133.

In exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974, the Minister makes the following by-laws:

Citation and application.

1. (1) These By-laws may be cited as the **Street, Drainage and Building (Recovery of Arrears) (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-laws 1990.**

(2) These By-laws shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

*Interpre-
tation.*

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

“arrears” means all or any sum of money payable by or recoverable from the owner or owners of any premises in respect of the expenses and costs incurred by the Commissioner in the execution of any work, which are, under the Act, recoverable from the owner or owners;

“Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur;

“premises” means the premises in respect of which the arrears are due.

*Notice of
demand and
fees.*

3. (1) Where the Commissioner has executed any work under the Act, an invoice in respect of the expenses and costs incurred by the Commissioner in the execution of the work shall be sent to the owner of the premises requiring him to pay the sum within a period of two months.

(2) Where the expenses and costs or any part thereof remain unpaid after the expiration of the period specified in paragraph (1), a notice of demand in Form A of the First Schedule shall be served on the owner of the premises requiring him to pay the sum together with the fee the notice of demand as set out in the Second Schedule within a period of fifteen days from the date of service of the notice or such extended period as the Commissioner may allow.

4. (1) If the expenses and costs or any part thereof remain in arrears after the expiration of the period specified in paragraph (2) of by-law 3, a warrant of attachment in Form B of the First Schedule may be issued and any movable property and any crops of the owner or occupier or of whomsoever belonging which are found on the premises may be seized.

Warrant of attachment and fees.

(2) The fees payable for the warrant of attachment are as set out in the Third Schedule.

(3) The warrant of attachment shall be affixed on some conspicuous part of the premises and a copy thereof shall be displayed on the notice board of the City Hall of Kuala Lumpur.

5. (1) Where any movable property or any crops are seized under a warrant of attachment, an inventory shall be taken and a notice of inventory in Form C of the First Schedule shall be served on the owner or occupier of the premises requiring him to pay the arrears within a period of seven days from the date of service of the notice.

Notice of inventory.

(2) The notice of inventory may be given to the owner or occupier personally or left at the premises from which the property was seized.

(3) The fees payable for the notice of inventory are as set out in the Fourth Schedule.

(4) The movable property and crops seized under the warrant of attachment shall be sold by public auction if the arrears are not paid after the expiration of the specified period.

(5) Where the Commissioner employs any person to watch over the property as listed in the notice of inventory, any expenses incurred thereby shall be recovered from the owner.

6. (1) Before conducting a sale by public auction a notice of sale in Form D of the First Schedule shall be posted at the premises and on the notice board of the City Hall of Kuala Lumpur seven days before the sale.

Notice of sale and fees.

(2) The fees payable for the notice of sale are as set out in the Fifth Schedule.

(3) The fees for conducting a public auction are two hundred ringgit.

7. All fees payable under these by-laws shall be paid by the owner of the premises and shall be recovered from the owner of the premises as if they formed part of the arrears.

Fees as part of arrears.

FIRST SCHEDULE

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (RECOVERY OF ARREARS) (FEDERAL
TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1990

Form A

NOTICE OF DEMAND
(By-law 3)

No.

To:

.....
.....
.....

Particulars of works:

.....
.....
.....
.....

at (address)

.....

Lot No

Section/Mukim

Take notice that you are required to pay the Commissioner the expenses and costs
incurred by the Commissioner in the execution of the abovementioned works amounting to

..... (\$.....)

together with the fee of \$..... for the notice of demand under section.....

..... of the Street, Drainage and Building Act 1974 at the office
of the Treasurer of the City Hall of Kuala Lumpur within fifteen days from the date of service
of this notice, and in default of payment within the period specified, the amount due together
with the costs of process shall be recovered pursuant to the powers contained in the Street,
Drainage and Building Act 1974.

	\$	Cents
Expenses and costs for works		
Notice of demand fee		
Total		

Dated this..... day of..... 19.....

Commissioner,
City of Kuala Lumpur

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (RECOVERY OF ARREARS) (FEDERAL
TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1990

Form B

WARRANT OF ATTACHMENT
(By-law 4)

No.....

To:

.....

.....

.....

Particulars of works:

.....

.....

.....

at (address)

.....

Lot No

Section/Mukim

Whereas by a notice bearing No.....posted or delivered on the
.....day of.....19.....the owner was required to pay at the office of the
Treasurer of the City Hall of Kuala Lumpur the sum of \$.....being arrears
of payment for the abovementioned works and whereas the said sum of \$.....
has not been paid.

This is to command you to attach the movable property or any crops of the said owner or
occupier which may be found in (address of the premises).....
and also any movable property or any crops of whomsoever belonging which is found on the
said premises, and unless the said sum \$.....together with
\$.....being the costs of this attachment, be paid, to hold the same
until further orders.

You are further commanded to return this warrant on or before the.....day
of.....19.....with an endorsement certifying the date and manner in which
it has been executed or why it has not been executed.

PARTICULARS OF ARREARS AND COSTS

	\$	Cents
Amount of arrears		
Notice of demand fee		
Warrant of attachment fee		
Total		

Given under my hand this.....day of.....19.....

*Commissioner,
City of Kuala Lumpur*

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (RECOVERY OF ARREARS)
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1990

Form C

NOTICE OF INVENTORY
(By-law 5)

No.....

To.....of.....

Lot No.....Section/Mukim.....

(or any other identifiable description)

Take notice that I have this day attached the property or crops specified in the undermentioned inventory for the sum of \$.....being arrears and costs recoverable under the Street, Drainage and Building Act 1974 as detailed below and that unless you pay into the office of the Treasurer of the City Hall of Kuala Lumpur the amount due together with the costs of this attachment within seven days of the date of this notice the property will be sold.

INVENTORY

<i>No. of Articles</i>	<i>Description of Property/ Crops</i>

DETAILS OF ARREARS AND COSTS

	\$	Cents
Amount of arrears		
Notice of demand fee		
Warrant of attachment fee		
Notice of inventory fee		
Watchman charges		
Total		

Dated this.....day of.....19.....

.....
(Name

Designation)

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (RECOVERY OF ARREARS)
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 1990

Form D

NOTICE OF SALE
(By-law 6)

To:

.....
.....
.....

Notice is hereby given that the property seized at.....

.....
.....

on the.....day of.....19.....under the warrant of attachment/notice
of inventory No.....will be sold by public auction on the.....
day of.....19.....at.....a.m./p.m. unless the amount of arrears and
the costs of execution be sooner paid.

Dated this.....day of.....19.....

.....
(Name

Designation)

SECOND SCHEDULE

(By-law 3 (2))

(1) <i>Amount of arrears</i>	(2) <i>Notice of demand fee</i>
\$1000 and below	\$4.00
Exceeds \$1000 but not above \$2000	\$8.00
Exceeds \$2000 but not above \$3000	\$12.00
Exceeds \$3000 but not above \$4000	\$16.00
Exceeds \$4000 but not above \$5000	\$20.00
Thereafter for every \$1000 or part thereof	\$2.00

THIRD SCHEDULE

(By-law 4 (2))

(1) <i>Amount of arrears</i>	(2) <i>Warrant of attachment fee</i>
\$1000 and below	\$20.00
Exceeds \$1000 but not above \$2000	\$40.00
Exceeds \$2000 but not above \$3000	\$60.00
Exceeds \$3000 but not above \$4000	\$80.00
Exceeds \$4000 but not above \$5000	\$100.00
Thereafter for every \$1000 or part thereof	\$20.00

FOURTH SCHEDULE

(By-law 5 (3))

(1) <i>Amount of arrears</i>	(2) <i>Notice of inventory fee</i>
\$1000 and below	\$4.00
Exceeds \$1000 but not above \$2000	\$8.00
Exceeds \$2000 but not above \$3000	\$12.00
Exceeds \$3000 but not above \$4000	\$16.00
Exceeds \$4000 but not above \$5000	\$20.00
Thereafter for every \$1000 or part thereof	\$2.00

FIFTH SCHEDULE

(By-law 6 (2))

(1) <i>Amount of arrears</i>	(2) <i>Notice of sale fee</i>
\$1000 and below	\$4.00
Exceeds \$1000 but not above \$2000	\$8.00
Exceeds \$2000 but not above \$3000	\$12.00
Exceeds \$3000 but not above \$4000	\$16.00
Exceeds \$4000 but not above \$5000	\$20.00
Thereafter for every \$1000 or part thereof	\$2.00

Made the 10th September 1990.
[PHEU²/16/76 PT. VI; PN. (PU²) 252/IV.]

DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Prime Minister